

Program mobiliti UTHM tingkat kualiti universiti

Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kini dalam proses mendapatkan pengiktirafan QS Star Rating 2016/2017 se-lain mengetuai Program Mobiliti Pelajar Ke Luar Ne-gara 2017 (Outbound dan Inbound) Tidak Berkredit membabitkan pertukaran penuntut ke dalam dan ke luar negara.

Naib Canselormya Profesor Dr Wahid Razzaly berkata, program itu satu inisiatif Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Akademik (HEPA) UTHM bagi memartabat dan me-ningkatkan impak serta kualiti universiti dalam menghasilkan penuntut ce-merlang daripada pelbagai aspek.

"Program mobiliti penun-tut UTHM ini dianjurkan sejak 2010 dan berjaya mem-bawa seramai 1,026 penun-tut keluar ke universiti di Jepun, Russia, Indonesia, Korea Selatan, United Kingdom, Australia dan Si-napura.

"Secara dasarnya program berkenaan menjurus kepada aktiviti khidmat masya-kat, kebudayaan, keusaha-wanan, penyelidikan dan perpindahan ilmu kursus yang dipelajari penuntut se-lain memberi pendedahan kepada mereka mengenai suasana pengajaran dan pembelajaran di luar nega-



TIMBALAN Menteri Pengangkutan, Datuk Ab Aziz Kaprawi (kiri) melakukan gimik pelancaran Program Mobiliti Pelajar Ke Luar Negara 2017, di Dewan Terbuka UTHM, Batu Pahat.

ra," katanya.

Menurutnya, program itu bertujuan menjadikan pro-gram mobiliti penuntut ke luar negara sebagai program berimpak tinggi universiti berkenaan sekali gus me-lahirkan modal insan yang lengkap berbanding univer-siti lain.

"Untuk tahun ini, UTHM merancang melaksanakan program mobiliti penuntut ke luar negara membabitkan 20 destinasi di 10 negara ter-masuk Australia, Turki, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Brunei.

"Sehubungan itu, seramai 22 penerima terdiri daripada pegawai dan penuntut menerima watikah peng-isytiharan program mobiliti ke luar negara yang akan

dilaksanakan tahun ini, katanya ketika berucap da-lam Majlis Perasmian Prog-ram Mobiliti Pelajar Ke Luar Negara 2017 di Dewan Ter-buka UTHM, di sini, sema-lam.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) HEPA UTHM Dr Asri Selamat ber-kata, penuntut boleh mem-bangunkan minda cemer-lang menerusi program yang memberi penekanan pembangunan modal insan secara lebih efektif.

"Sepanjang program ber-kenaan, peserta diminta membuat tugas tertentu seperti menyediakan diari dan membuat pembenta-ngan di hadapan panel yang dilantik," katanya.